

Watak Wanita Dalam *Bidadari* Dari Perspektif Ginokritik: Penelitian Psikologi Dan Budaya

*Woman Character in Bidadari from Gynocritics Perspective:
Psychology and Culture Research*

Nur Syifaa Atikah Binti Nordin
Che Abdullah Bin Che Ya

Program Persuratan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

cheabd@ukm.edu.my

ABSTRAK

Bidadari karya Aminah Mokhtar diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) pada tahun 2016. Aminah Mokhtar merupakan seorang novelis yang sering mengangkat persoalan wanita di dalam hasil karyanya. Bidadari merupakan salah satu daripadanya. Novel ini mengangkat permasalahan yang dihadapi oleh kaum wanita dalam menghadapi kehidupan dan kerjaya. Novel yang mengandungi 563 halaman memperlihatkan kehidupan watak utama iaitu seorang remaja perempuan yang bernama Jehan dan watak-watak wanita sampingan lain yang merupakan wanita yang kuat dan tabah dalam menghadapi segala cabaran dan dugaan dalam kehidupan. Novel ini mengetengahkan pengalaman sebenar yang dilalui oleh kaum wanita dalam masyarakat. Kajian ini melihat watak-watak wanita di dalam karya dari perspektif ginokritik yang dikemukakan oleh Elaine Showalter. Antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai psikologi iaitu melihat perwatakan jiwa wanita dan budaya iaitu melihat kesatuan wanita yang membentuk hubungan yang kuat antara wanita. Hasil kajian mendapati bahawa keunggulan wanita dapat dilihat melalui novel Aminah Mokhtar ini sifat kuat dan tabah dalam menghadapi dan menempuhi ujian hidup terutamanya dalam kehidupan kini yang didominasi oleh kaum lelaki.

Kata kunci: Cabaran, Ginokritik, Pengalaman, Penglibatan, Wanita.

ABSTRACT

Bidadari by Aminah Mokhtar was published from Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) in 2016. Aminah Mokhtar is a novelist that always raising the issues of women in her novels. Bidadari is one of her novel. This novel is raising the issues faced by women in facing life beside their career. This novel contains 563 pages, showed the life of the main character, a young girl named Jehan and the others side character who are strong and persistent women in facing the challenges and predictions of life. This novel focused on the real experience that were facing by the women in our society. The study shows the character of women in this novel from a Gynocritics perspective encountered by Elaine Showalter. Among the topic discussed a psychology is to look at characteristics of women and culture as to see the union of women who form strong relationships between women. The findings show that the superiority of women can be seen through Aminah Mokhtar's

novel is strong and persistent in facing and undergoing life tests especially in today's predominantly life.

Keywords: *Challenges, Experience, Gynocritic, Participants, Women.*

1. Pengenalan

Bidadari merupakan sebuah novel yang dihasilkan oleh Aminah Mokhtar. Novel ini diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) pada tahun 2016. Novel ini mengandungi 563 halaman. Novel ini mengisahkan seorang remaja, Jehan Khatijah Sakinah Binti Zainal Abidin yang berusaha menyelesaikan segala konflik yang melanda keluarganya. Jehan merupakan seorang pelajar Sarjana Muda di Fakulti Seni Perasaan Sains Fikiran (SPSF). Keperibadian yang dimiliki oleh Jehan merupakan sikap dan perwatakan ideal yang perlu dicontohi oleh remaja pada zaman kini. Novel *Bidadari* memaparkan idea dan mesej melalui watak-watak yang dipaparkan oleh pengarang. Pengarang telah mengangkat martabat wanita melalui konflik yang dialami oleh para wanita. Pengarang cuba mencipta watak wanita yang mempunyai citra kewanitaan yang tinggi dari segala aspek. Pengkajian ini menggunakan sebuah teori yang bersifat kewanitaan iaitu Ginokritik.

Ginokritikan merupakan satu teori yang menekankan beberapa aspek utama seperti kajian terhadap wanita sebagai pengarang, pengeluar atau penghasil teks melalui persoalan sejarah, tema, genre dan struktur penulisan yang sepenuhnya dihasilkan oleh wanita. Teori Ginokritik ini telah mengemukakan empat model secara khusus sebagai kerangka penelitian terhadap teks-teks sastera wanita iaitu biologi, bahasa, psikologi dan budaya. Pengkajian ini memfokuskan kepada dua model sahaja iaitu psikologi dan budaya.

Disiplin psikologi dapat diaplikasikan dalam karya sastera bagi menerangkan aksi, perilaku atau reaksi seorang watak yang sukar diramal atau dijangka tindak-tanduknya. Seseorang watak dapat digambarkan melalui aksi atau perbuatannya. Golongan feminis lebih menekankan psikologi dalam karya itu sendiri yang dipamerkan oleh pengarang dalam melalui psikologi watak-watak dalam sesebuah karya termasuklah keinginan watak, cita rasa, tekanan perasaan, jiwa dan segala yang lahir dari hati dan kata-kata watak yang dipilih.

Bagi model budaya pula, golongan feminis menjelaskan bahawa terdapat perbezaan antara budaya kaum lelaki dan budaya kaum wanita dalam sesebuah hasil karya. Beberapa aspek telah dijadikan sebagai kaedah untuk mengenal pasti ciri-ciri budaya wanita iaitu terdiri daripada proses sosialisasi, tugas sosial dan kelas sosial wanita. Kesemua aspek ini menggambarkan pemikiran dan tindak-tanduk kaum wanita yang akan memancarkan citra dan menentukan taraf seseorang wanita itu. Mengenal pasti setiap unsur yang terbentuk dalam budaya wanita khususnya bagi memahami penulisan wanita adalah penting (Showalter, 1982: 27). Hal ini demikian kerana cara wanita membentuk konsep badan, sifat seksual dan fungsi reproduktif adalah berhubung dengan persekitaran budaya mereka

Kajian ini akan mengetahui sejauh mana karya yang dihasilkan oleh pengarang wanita mengangkat martabat wanita supaya dihormati golongan lelaki dan mengubah pandangan mereka mengenai kaum wanita. Kajian ini juga memperlihatkan penglibatan wanita dalam karya sastera sebagai medium untuk menyampaikan pengalaman sebenar yang dialami oleh mereka.

2. Sorotan Literatur

Novel yang dikarang oleh Aminah Mokhtar banyak dianalisis oleh pengkaji kajian ilmiah dari pelbagai pendekatan dan teori. Teori ginokritik agak kurang dianalisis oleh para pengkaji dalam bidang penulisan tetapi banyak menjurus kepada teori yang lebih umum

iaitu feminisme. Ginokritik merupakan salah satu cabang dari feminisme. Kajian oleh Zarina Azhari (2006) menggunakan teori feminisme untuk menganalisis gambaran dan imej peribadi seorang wanita dalam novel-novel Aminah Mokhtar. Antara novel-novel yang dipilih ialah *Diari Seorang Jururawat*, *Iman Markisa*, *Dominasi Tebrau* dan *Semakin Dekat I*. Watak-watak yang dikajinya tertumpu kepada watak utama atau protagonis yang mengalami gelodakan jiwa dan tekanan yang hebat dalam menghadapi kehidupan harian.

Lilie Surya (2007), menjelaskan mengenai kedudukan wanita melalui peranannya dalam institusi keluarga, masyarakat dan kerjaya serta ciri atau perwatakan wanita yang membentuk feminis dalam novel *Diari Seorang Jururawat dan Iman Markisa*. Siti Suhailah (2012), menyentuh mengenai feminisme dalam novel *Salju Sakinah*. Beliau mendapati bahawa pengarang kepada novel ini mengangkat beberapa persoalan wanita seperti hak dalam kebebasan berfikir, berilmu, dan berakidah, peranan wanita sebagai seorang anak, isteri, ibu dan ahli masyarakat, dan citra serta imej wanita sebagai seorang usahawan, berwibawa, sabar dan tabah serta positif dalam mengharungi cabaran kehidupan.

Ungku Maimunah (2013) menyatakan bahawa persaudaraan wanita di dalam *Pelamin Embun* menilai semula pemahaman hubungan gender iaitu dengan menyelongkar kehidupan seorang wanita yang berkhidmat sebagai jururawat yang menjadi penyelamat masa depan kepada remaja-remaja yang bermasalah.

3. Metodologi

Keseluruhan kajian ini dijalankan dalam bentuk kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan memandangkan kaedah ini paling sesuai dan mudah digunakan. Bahan-bahan yang terdapat di dalam perpustakaan menjadi rujukan untuk menghuraikan teori yang berkaitan dengan kajian. Melalui kaedah ini juga banyak maklumat yang diperolehi melalui pembacaan latihan ilmiah, tesis, jurnal dan artikel yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji bagi melengkapi kajian yang dijalankan iaitu mengenai pendekatan feminisme secara ginokritik dalam novel yang dikaji iaitu *Bidadari*.

Kaedah metodologi lain yang digunakan ialah temu bual secara talian. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan mengenai latar diri pengarang dan kepengarangan secara lebih tepat. Hal ini bermakna bukan sahaja kaedah kepustakaan itu digunakan kajian ini bahkan data juga diperolehi secara kaedah lain bagi memastikan ketepatan maklumat mengenai peribadi penulis.

4. Dapatan dan Perbincangan

Psikologi merupakan ilmu mengenai jiwa atau mengenal fikiran manusia. Psikologi di dalam penulisan karya pengarang wanita dilihat melalui perlakuan watak-watak yang diceritakan berkait dengan pengalaman dan psikologi pengarang. Setiap emosi yang dizahirkan melalui watak-watak di dalam sesebuah karya adalah berdasarkan situasi jiwa pengarang pada ketika itu. Pengarang menzahirkan emosi melalui karya sebagai satu terapi kepada mereka untuk melepaskan tekanan yang dialami oleh wanita dalam kehidupan.

Budaya dalam penulisan pengarang wanita lebih memperlihatkan cara wanita membentuk perpaduan dan kekuatan dalam kalangan mereka bagi menghadapi segala masalah dalam kehidupan untuk mereka menyesuaikan diri dalam masyarakat. Teks-teks yang dihasilkan oleh pengarang wanita bukan sahaja bersifat keibuan malah lebih bersifat menyeluruh mengenai keibubapaan dan kekeluargaan. Pengarang ingin menonjolkan budaya wanita masa kini yang lebih bersifat bersatu padu dan bekerjasama antara satu sama lain dalam melindungi hak-hak mereka.

4.1 *Psikologi wanita*

Wanita sering dikaitkan dengan emosi yang sukar ditafsir atau diterjemahkan. Pengarang-pengarang wanita menggunakan hasil karya ini sebagai satu medium untuk mereka mengungkapkan segala yang tersimpan di dalam hati mahupun jiwa terhadap sesuatu perkara. Kesemua sifat yang mendasari jiwa wanita tersebut dilihat sebagai landasan yang penting dalam membentuk keperibadian wanita terhadap persekitaran yang ada dalam lingkungan mereka. Kesemua yang ada dalam diri wanita sama ada suara hati, perasaan, naluri, impian dan wawasan disampaikan melalui penulisan.

Menerusi novel *Bidadari*, pengarang cuba mempamerkan watak wanita yang menunjukkan pergolakan jiwa wanita yang bersifat kuat dan tabah. Masyarakat sering kali memandang wanita ini sebagai seorang yang sangat lemah dari sudut fizikal tetapi hakikatnya wanita merupakan individu yang mempunyai jiwa yang sangat tabah dan kuat menghadapi segala dugaan dalam kehidupan. Setiap manusia di muka bumi ini akan diuji dengan pelbagai ujian dan dugaan supaya dapat melihat cara manusia untuk mengatasi masalah tersebut sama ada dengan baik atau sebaliknya. Di sinilah ketabahan dan kekuatan jiwa individu akan diukur. Sebagai contohnya pemaparan jiwa wanita yang bersifat kuat dan tabah dapat dilihat menerusi dialog dibawah:

Apa pun yang datang, Kak Ika terpaksa tanggung sendiri. Sendiri dan berdikari dengan hati dan fikiran yang kosong. Kak Ika terpaksa lakukan semuanya demi mencari kehidupan yang tiba-tiba sahaja menjadi payah dan sangat derita. Kerana terpaksa, Kak Ika bangun dan mencari kekuatan sendiri. Kak Ika rela terima semuanya. Semua yang bernama ujian. Ujian menerima seorang insan yang bernama Asraf yang Allah hadirkan di dalam hidup Kak Ika, secara tiba-tiba.

(*Bidadari*, 2016: 16)

Watak Kak Ika digambarkan sebagai seorang wanita yang mempunyai jiwa yang kuat dan tabah. Walaupun telah diuji dengan ujian yang hebat iaitu terpaksa menerima kehadiran Asraf anaknya yang tidak diakui cucu oleh ayahnya sendiri kerana peristiwa hitam yang pernah terjadi dalam hidup Kak Ika. Tidak semua wanita mampu berdiri teguh dan meneruskan kehidupan seperti Kak Ika. Kak Ika terpaksa mengharungi segala kepayahan hidup dan mencari kekuatan untuk teruskan kehidupannya demi anaknya yang tercinta. Kak Ika percaya bahawa ujian ini yang menjadikannya lebih berdikari dan kuat menghadapi kepayahan hidup. Ketabahan yang dimiliki itu jugalah yang memberi Kak Ika kejayaan dalam hidup. Pemaparan jiwa wanita yang bersifat kuat dan tabah ini dilukiskan dengan baik, bijak dan terhindar dari sebarang sifat-sifat emosional bagi menunjukkan kemantapan dan kekuatan jiwa wanita.

Pengarang turut mempamerkan sifat-sifat penentangan atau protes dalam jiwa wanita. Wanita menunjukkan sifat protes dalam diri mereka kerana disebabkan oleh persekitaran yang membuatkan mereka merasakan tidak adil kepada wanita. Sikap protes atau penentangan ini dizahirkan bertujuan untuk menyampaikan keinginan mereka atau wawasan dan juga menyuarakan pendapat mereka. Dalam *Bidadari*, Aminah Mokhtar melukiskan sifat-sifat protes dalam jiwa melalui penampilan watak Jehan yang merupakan watak utama di dalam novel ini. Jehan menunjukkan rasa protes dalam jiwanya terhadap tindakan kakak kandungnya sendiri iaitu Kak Zura.

Aku nekad untuk memberi pengajaran pada dia, demi Kak Ika. Aku sudah cukup berlembut dengannya, aku telan apa-apa sahaja kelakuannya yang menyakitkan hati itu, demi menjaga darah tinggi, Asma, dan penyakit jantung Ibu. Kalau Ibu sihat walafiat, aku tidaklah bimbang sangat, aku boleh berterus-terang saja pada Ibu. Aku bercuti dua bulan, bermakna dua bulan aku akan tinggal di kampung, mujurlah Ustaz Naufal ke tapak projek pembinaan masjid, berjumpa Kak Johana. Kalau tidak, mati kutu aku tinggal tak buat apa-apa.

(*Bidadari*, 2016: 115)

Watak Jehan mempamerkan jiwa remaja wanita yang bersifat protes terhadap tindakan Kak Zura yang sering menyakiti perasaan Ibu mereka. Jehan tidak tahan lagi dengan perangai kakaknya itu walaupun sudah pulang ke tanah air tetapi masih lagi tidak berjumpa dengan ibu kandung mereka. Jehan menentang tindakan kakaknya itu tetapi disebabkan masih memikirkan keadaan ibunya, protes ini terlerai dengan sendirinya. Walaupun Jehan menzahirkan perasaan protesnya ini tetapi Jehan terhindar daripada sifat-sifat radikal dan atasi jiwa protes tersebut secara bijak, tenang dan tidak melakukan sesuatu yang buruk.

Wanita juga dikaitkan dengan jiwa yang matang. Kematangan bukanlah diukur melalui peningkatan umur malah kematangan jiwa seseorang itu dilihat melalui cara seseorang berfikir atau bertindak. Wanita disifatkan lebih matang berbanding lelaki. Di dalam novel *Bidadari*, pengarang cuba mempamerkan jiwa wanita yang bersifat matang melalui watak Jehan. Walaupun Jehan merupakan seorang remaja tetapi cara pemikiran dan tindak-tanduk Jehan menunjukkan bahawa Jehan merupakan watak wanita yang berjiwa matang:

“Penting sangat apabila memandang, kita gunakan mata yang mana satu, Olin. Kalau mata biasa, kita akan nampak perkara yang biasa-biasa, kalau kita gunakan mata ilmu, nampaklah ilmu, dapatlah ilmu, kalau kau gunakan mata masalah, dapatlah masalah. Macam orang pandang laut. Kalau kita gunakan mata nelayan, mata penyelam dan mata jurutera, dapatlah nampak banyak benda yang berharga. Kalau tak, siapa yang rugi?”

(*Bidadari*, 2016: 204)

Jehan merupakan seorang wanita yang berjiwa matang. Hal ini dapat dilihat menerusi cara Jehan berfikir dan menasihati kawan baiknya Olin agar memandang semua masalah itu dari sudut yang positif iaitu sebagai satu cabaran yang perlu dilalui dan bukan perlu lari tetapi harus hadapinya dengan cara yang baik. Cara Jehan menasihati Olin menjadikannya sebagai seorang pemikir yang hebat iaitu memandang semua perkara atau permasalahan dari sudut positif. Wanita yang matang adalah tidak mudah melatah apabila timbul permasalahan malah perlu atasinya segala masalah itu dengan baik dan bijak. Jelaslah, melalui contoh itulah pengarang cuba menggambarkan psikologi wanita yang bersifat matang yang bukan diukur melalui umur malah melalui cara berfikir dan cara seseorang bertindak.

Melalui novel ini juga, pengarang begitu menekankan sikap redha melalui watak wanita. Redha merupakan sikap terima sesuatu perkara dengan hati yang terbuka tentang takdir daripada tuhan dan bangkit daripada takdir itu. Bagi pengarang sikap marah dan mempersoalkan segala kejadian yang berlaku tidak akan menyelesaikan masalah. Pembinaan watak wanita yang bersikap redha adalah penting dalam penulisan wanita kerana dengan cara ini dapat menyanggah pandangan lelaki bahawa wanita adalah lemah. Watak wanita yang mempunyai jiwa yang redha di dalam novel ini ialah Kak Ika dan Jehan. Misalnya dapat dilihat melalui petikan dibawah:

Kak Ika reda. Kak Ika terima. Pedih, pilu dan apapun perasaan yang datang, Kak Ika terpaksa telan. Apa lagi yang boleh Kak Ika buat? Kalau dia menangis sampai air mata darah dan sampai tercabut nyawa sekalipun, Pak Long tetap tidak dapat menerima takdir dia.

(*Bidadari*, 2016: 14)

Hati masih sebak. Kenangan bersama Cahaya bagai Kristal yang memancar. Berkilau, bercahaya. Berkilau dalam hati. Aku belajar menjadi reda dan reda. Begitulah perjalanan hidup Cahaya yang Allah hadiahkan kepada dia. Perjalanan yang sungguh tragik dan sadis. Apa pun dia sudah selamat menamatkan perjalanan hidupnya di muka bumi ini.

(*Bidadari*, 2016: 384)

Sikap redha yang digambarkan watak Jehan dan Kak Ika juga menggambarkan mereka wanita yang kuat dan tabah. Kak Ika redha atas segala perlakuan Pak Long terhadapnya kerana peristiwa hitam yang menimpa hidup Kak Ika. Kak Ika redha kerana itulah takdir yang ditentukan oleh Allah dan Kak Ika tetap teruskan kehidupan dan bangkit dari masa lalu serta menjadi seorang insan yang berjaya dan dikagumi ramai. Manakala Jehan pula redha atas pemergian Cahaya kerana penyakit kanser yang ditimpa oleh Cahaya. Jehan redha kerana pemergian Cahaya dalam keadaan beriman. Baginya itu juga atas ketentuan dari Ilahi dan Jehan terus bangkit membantu remaja-remaja yang lain. Melalui sikap kedua-dua watak ini, mereka sama sekali tidak marah dan tidak mempersoalkan tentang apa yang berlaku malah menerima dengan hati yang terbuka. Dalam hal ini, pengarang bukan sahaja memaparkan sikap baik iaitu jiwa redha dimiliki oleh kaum wanita malah menaikkan martabat kaum wanita.

4.2 Budaya Wanita

Melalui aspek ini, penulisan memperlihatkan cara-cara pengarang wanita menjadikan wanita dan pengalaman yang dialami wanita sebagai sumber kekuatan dan perpaduan wanita dalam membentuk persaudaraan sesama mereka (Ahmad Kamal Abdullah, Siti Aisah Murad, 2000: 4). Melihat budaya sebagai suatu unsur yang amat positif dalam usaha wanita sejagat mencari kembali suatu komuniti wanita dan persaudaraan wanita selepas mengalami penderitaan.

4.2.1 Persaudaraan Wanita Tanpa Melibatkan Hubungan Kekeluargaan

Melalui karya pengarang wanita, mereka lebih gemar memperlihatkan hubungan baik dan persaudaraan sesama wanita berbanding karya pengarang lelaki yang lebih gemar memperlihatkan persaingan dan perbalahan sesama wanita. Perkara itu telah mendorong pengarang-pengarang wanita untuk menghasilkan sesebuah karya yang memperlihatkan bahawa wanita mampu mempunyai hubungan yang baik sesama mereka. Persaudaraan sesama wanita ini bertujuan untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan wanita. Bagi persaudaraan wanita tanpa melibatkan hubungan kekeluargaan ini dapat dilihat melalui perhubungan seharian sesama wanita sama ada dengan seseorang yang telah lama kenal ataupun baru sahaja berkenalan.

Persaudaraan wanita yang mendorong kepada kekuatan dan perpaduan wanita serta komuniti wanita dilihat menerusi hubungan persahabatan antara Jehan dan Olin. Melalui watak Jehan dan Olin, pengarang iaitu Aminah Mokhtar membina hubungan antara dua sahabat yang telah menjalinkan hubungan persaudaraan iaitu menjadi sahabat karib semenjak mereka memasuki alam universiti. Persahabatan merupakan salah satu hubungan yang terjalin tanpa melibatkan hubungan atau ikatan kekeluargaan sama ada setelah tempoh yang lama ataupun tidak. Contoh hubungan persahabatan antara Jehan dan Olin dalam novel *Bidadari* menerusi petikan berikut:

“Kau beri aku keyakinan dengan percuma, Jehan. Kau yakinkan aku untuk percaya pada diri sendiri. Terima kasih berikan aku keyakinan selama ini. Aku lari dari rumah, aku tak mahu jumpa Papa dan Mama aku, kau bawa aku ke sini. Kau tak mahu aku hanyut, tak mahu aku hancur kat Singapura. Kau serahkan aku pada Nenek. Banyak yang aku belajar daripada Nenek, daripada kau. Kesedaran dan keinsafan yang aku dapat di rumah Nenek, tidak ternilai harganya, Jehan.” Suara Olin pula yang sayu pilu. “Tidak ternilai. Amat berharga bagi aku.”

(*Bidadari*, 2016: 256)

Olin mengalami masalah dengan keluarganya menyebabkan dirinya berasa tertekan sehingga menyebabkan Olin bertindak melarikan diri dari rumah. Sebagai seorang sahabat baik, Jehan tidak mahu melihat sahabatnya ditimpa masalah dan Jehan berusaha sedaya

upaya untuk menolong serta mengurangi beban yang ditanggung oleh sahabatnya iaitu Olin. Sebagai seorang sahabat yang baik, mereka haruslah membantu sahabat mereka dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi dan bukannya menambahkan lagi masalah yang telah ada. Jehan tidak mahu Olin bersedih atas segala masalah yang membelenggu diri Olin dan Jehan tidak akan diam begitu sahaja apabila melihat sahabat baiknya menghadapi masalah. Kekuatan dan perpaduan dalam diri sahabat tersebut dapat dikesan apabila mereka saling tolong-menolong antara satu sama lain dan mengambil berat antara satu sama lain. Jelaslah bahawa hubungan persahabatan merupakan salah satu sumber kekuatan dan perpaduan yang membina komuniti dan budaya wanita.

Pengarang turut memperlihatkan bahawa perpaduan antara wanita juga kuat walaupun berbeza latar belakang. Perbezaan umur, latar kehidupan yang berbeza sama ada mewah ataupun tidak, minat dan sebagainya bukanlah penghalang untuk kaum wanita membina perpaduan yang kuat dan utuh dalam kalangan mereka. Menerusi novel *Bidadari* perbezaan latar dilihat jelas dari aspek perbezaan umur dan kehidupan. Walaupun jarak umur yang sangat ketara perbezaannya antara Nenek Hendun dan Olin tetapi mereka dapat membina perhubungan yang kukuh antara yang tua dan muda:

Olin masuk memimpin tangan Nenek. Aku rasa nak menitik air mata, melihat kasih sayang yang terjalin hebat antara mereka. Dari jauh Olin tersenyum pandang aku. Tersenyum manis, manis yang tidak pernah aku lihat sebelum ini. Olin hulurkan sesuatu pada aku.

(*Bidadari*, 2016: 226)

Petikan tersebut memperlihatkan ikatan kasih sayang yang mendalam antara Nenek dan juga Olin. Walaupun tidak mempunyai ikatan kekeluargaan tetapi dengan rasa kasih sayang yang dimiliki oleh Nenek yang tidak pernah membatasi jarak perhubungan itu. Olin ternyata lebih bahagia hidup bersederhana di kampung berbanding dengan kehidupan mewah di bandar. Kasih sayang yang dicurahkan oleh Nenek menjadikan Olin terlupa mengenai segala kesedihan yang ditanggung selama ini. Nenek memperlaku Olin seperti cucu kandungnya sendiri. Hal ini demikian kerana yang tua haruslah dihormati oleh yang muda manakala yang muda haruslah disayangi oleh yang tua. Perbezaan latar belakang sama sekali tidak menggugat ikatan persaudaraan yang dibina oleh kaum wanita yang tidak mempunyai hubungan kekeluargaan.

4.2.2 Hubungan Kasih Sayang Antara Ibu Dan Anak Perempuan

Perhubungan kasih sayang antara ibu dan anak perempuan yang berlansung dengan intim dan dipupuk dari seawal dalam kandungan yang dikenali sebagai proses simbiosis. Simbiosis ini bermaksud kemesraan yang dirasai oleh kandungan yang membesar dan berasa selamat selama sembilan bulan. Dalam masyarakat Melayu, sering melihat bahawa para ibu memberikan kemesraan dan kasih sayang yang tinggi kepada anaknya. Hubungan antara ibu dan anak tersangat rapat dan mesra (Judith Djamor, 1979: 43).

Hubungan kasih sayang antara ibu dan anak perempuan juga banyak ditekankan dalam novel *Bidadari* ini. Kasih sayang antara ibu dan anak perempuan merupakan satu hubungan yang tiada tandingannya kerana hubungan tersebut telah terbina kukuh sejak anak tersebut dari dalam kandungan. Sebagai contohnya hubungan antara Mak Long Maheran dengan satu-satunya puteri kesayangannya iaitu Kak Ika:

Hati Mak Long tersayat. Dia tidak punya anak lain, hanya Kak Ika. Hanya Kak Ika yang pernah berkongsi nyawa dengannya. Dia anak manis yang tidak pernah menyakitkan hati. Tetapi kuasa Tuhan siapa yang tahu, dia diuji dengan ujian yang paling besar. Lebih besar daripada Tsunami, yang kalau tidak ditangani dengan hati-hati, semuanya musnah. Kata Mak Long, Allah turunkan ujian itu kepada hamba-hamba-Nya yang mampu menanggung ujian itu dan dia antara yang terpilih untuk

diberi ujian itu. Semakin besar ujian, semakin besar ganjarannya. Semakin tinggi darjat hamba Allah itu.

(*Bidadari*, 2016: 168)

Mak Long begitu menyayangi Kak Ika walaupun mereka sudah tidak pernah sebambung dalam masa yang panjang akibat ujian yang diturunkan kepada Kak Ika tetapi kasih sayang Mak Long terhadap Kak Ika tidak sekali pun berkurang malah semakin tambah sayang terhadap Kak Ika. Mak Long berperanan sebagai suri teladan dalam hidup Kak Ika. Hal ini demikian kerana dengan semangat dan ketabahan yang ditunjukkan oleh Mak Long menjadikan Kak Ika mampu mengharungi segala pahit getir kehidupan berkat semangat dan doa dari jauh oleh seorang ibu. Keperibadian Kak Ika banyak dicorakkan melalui ibunya malah Kak Ika menjadi lebih tabah lagi. Keakraban hubungan antara ibu dan anak perempuan merupakan satu ciri terpenting dalam penulisan pengarang wanita. Justeru, tidak hairanlah apabila rata-rata pengarang wanita cenderung untuk melukiskan situasi hubungan ibu dan anak perempuan dalam penulisan kreatif mereka.

4.2.3 Mengekspresi Pengalaman Wanita

Pengalaman wanita sering kali dianggap sebagai tidak benar atau penting, sementara keengganan menerima kebenaran atau keabsahan pengalaman wanita merupakan sebahagian daripada warisan budaya yang juga diteruskan dalam bidang pendidikan (Humm, 1986: 66). Pengalaman wanita adalah satu aspek penting yang boleh dilihat dalam budaya wanita termasuk dalam hasil-hasil penulisan wanita (Norhayati Ab. Rahman, 2012: 268). Pengarang wanita memberi perhatian khusus terhadap pengalaman-pengalaman sosial wanita dalam sosiobudaya masyarakat. Antara bentuk pengalaman yang mendapat perhatian dalam penulisan wanita ialah berhubung dengan peranan dan kedudukan wanita dalam masyarakat.

Menerusi novel *Bidadari*, Aminah Mokhtar menyerlahkan pengalaman wanita yang mempunyai kedudukan dan pangkat. Dalam hal ini, watak wanita di dalam novel ini berfungsi dalam pembangunan bangsa. Pengarang menekankan bahawa wanita bukan sahaja berperanan sebagai seorang isteri atau seorang ibu malah mereka juga mempunyai kepentingan yang tersendiri. Pengarang menekankan bahawa perlunya wanita diberi peluang luas dalam komuniti, kerjaya dan profesion yang memberi mereka status dan kedudukan yang penting kepada mereka. Menerusi novel ini pengarang memasukkan watak yang berperanan sebagai seorang pendidik bangsa. Contohnya dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Aku tahu, sebenar-benarnya dia sangat bangga dengan Kak Ika. Dr Syafikah. Pakar motivasi terkenal ketika ini. Setiap kali muncul di kaca televisyen dengan program tersohornya, *Sembuhkan Hatinya*, *Sejahterakan Diri*, *Imarahkan Muslim Sejati*, akulah penonton setia rancangan itu. kata Ustaz Naufal, dia pun sama.

(*Bidadari*, 2016: 29)

“Fikah tak macam Zura, Pak Long. Ilmu agamanya tinggi. Dia pakar motivasi, pensyarah, kaunselor.”

(*Bidadari*, 2016: 236)

Watak Kak Ika merupakan watak wanita yang mempunyai peranan dalam masyarakat khususnya sebagai seorang pendidik yang mendidik pewaris bangsa. Kak Ika merupakan seorang pensyarah dan pakar motivasi yang berjaya sehingga mempunyai rancangan motivasinya yang tersendiri. Kak Ika memaparkan kejayaan yang diperoleh itu adalah hasil daripada pelbagai tahap cabaran dan halangan serta dugaan dalam kehidupannya. Kesungguhan dan kegigihan wanita dalam mencapai cita-cita dan kehendak diri sudah pastinya membuahkan kejayaan kerana wanita mempunyai semangat dan kekuatan mental yang kuat setanding dengan lelaki. Oleh itu, pengarang mempamerkan kisah wanita daipada

perspektif wanita dengan bertujuan untuk menggambarkan pengalaman yang dialami oleh wanita.

Pengarang turut memaparkan pengalaman wanita yang terlibat dengan aktiviti sosial dan kemasyarakatan yang penting di luar rumah. Wanita sering terikat dengan peranan dalam institusi kekeluargaan tetapi wanita zaman sekarang lebih bersifat moden dan juga menyumbang tenaga kepada masyarakat luar. Wanita juga mampu mengembangkan sayap mereka dalam bidang-bidang tertentu terutamanya bidang sosial yang menjadikan mereka sebagai seorang wanita yang dihormati, dikagumi dan terhindar daripada penindasan kaum lelaki. Sebagai contohnya dapat dilihat melalui petikan berikut:

“Kerja saya bukan hanya jadi pakar motivasi, merawat pesakit, Pak Wi. Bukan setakat di hospital dan di kolej, mereka juga, tugas saya. Sebab itulah saya terpenggil untuk sumbang tenaga di rumah Spektrum Hidayah ini.”

(*Bidadari*, 2016: 355)

Tahulah aku rupa-rupanya, pusat perlindungan ini, projek saham akhirat Kak Ika untuk kedua ibu-bapanya; Mak Long dan Pak Long. Bertambah-tambahlah mulianya Kak Ika di mata aku.

(*Bidadari*, 2016: 358)

Petikan tersebut memperlihatkan Kak Ika bukan sahaja wanita yang mempunyai kerjaya yang bagus tetapi Kak Ika juga menyumbang tenaganya dalam kegiatan kemasyarakatan iaitu dengan membantu dan remaja-remaja di pusat pemulihan itu. Bagi Kak Ika remaja-remaja di pusat pemulihan tersebut perlu dibantu agar tidak terjerumus lagi dalam kegiatan yang merosakkan akhlak mereka. Hal ini demikian kerana merekalah pewaris negara kelak. Negara akan dipandang tinggi oleh negara luar sekiranya remaja memiliki akhlak yang baik. Tambahan lagi kegiatan yang dilakukan oleh Kak Ika ini merupakan cara untuk Kak Ika membalas jasa terhadap kedua ibu bapanya. Hal ini menunjukkan bahawa kemajuan negara yang dicapai pada hari ini turut menyaksikan sumbangan dan peranan sebenar kaum wanita dalam pembangunan negara sama ada dalam bidang ekonomi, politik atau sosial. Jelaslah, karya penulisan pengarang wanita ini cuba menyampaikan pengalaman wanita dalam menyertai kegiatan sosial dan kemasyarakatan.

5. Rumusan

Bidadari karya Aminah Mokhtar boleh dikategorikan sebagai sebuah novel feminisme. Analisis ini menggunakan pendekatan ginokritik yang diasaskan oleh tokoh terkenal Elaine Showalter kerana jalan ceritanya berdasarkan pengalaman pengarang itu sendiri dalam kehidupannya dan juga pengalaman wanita di sekelilingnya. Penelitian ini mendedahkan keinginan wanita yang sebenar dan memperbetulkan tanggapan masyarakat luar bahawa konflik yang diceritakan oleh pengarang lelaki di dalam hasil karya mereka sama sekali tidak seperti keadaan realiti berbanding dengan penulis wanita. Pendekatan ginokritik ini melihat bahawa setiap peristiwa dan watak-watak yang terdapat didalam novel itu mempunyai hubungan dalaman dengan pengarang tersebut beserta dengan pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh wanita lain. Jelaslah bahawa melalui pendekatan ginokritik ini mampu mengimbangkan antara kaum lelaki dan wanita dan memperlihatkan wanita mempunyai nilai, peranan dan kepentingannya yang tersendiri dalam masyarakat.

Rujukan

- Ahmad Kamal Abdullah & Siti Aisah Murad (pngr.). (2000). *Citra Wanita dalam Sastera Melayu 1930-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Aminah Mokhtar.(2016). *Bidadari*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

- Hum, Maggie. (1986). *The Dictionary of Feminist Theory*. New York: Harvester Wheatsheaf.
- Judith Djamor. (1979). *Keluargaan dan Perkahwinan Orang Melayu Singapura*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Lilie Surya Ahmad. (2007). *Novel Aminah Mokhtar dari Sudut Feminisme*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhayati Ab. Rahman.(2012). *Puitika Sastera Wanita Indonesia dan Malaysia Satu Bacaan Ginokritik*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Showalter, Elaine. (1982). *Feminist Criticism In The Wilderness*. Chicago: University of Chicago Press.
- Siti Suhailah Hamzah. (2012). *Wanita dalam Salju Sakinah: Kajian Feminisme*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2013). *Gender dalam Sastera Melayu*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zarina Azhari. (2006). *Wanita dalam Novel Aminah Mokhtar: Tinjauan Perspektif Feminisme*. Latihan Ilmiah, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.